

LANG KANGOK
Lesser Fish Eagle

FAMILI: Accipitridae
NAMA SAINTIFIK: *Icythophaga humilis*



CIRI-CIRI

Spesies ini mempunyai ekor yang pendek dan bulat serta sayap yang agak pendek dan lebar. Bagian kepala berwarna kelabu manakala bahagian sayap dan badan berwarna kelabu kecoklatan. Bahagian perut pula berwarna putih termasuk bahagian ekor. Keseluruhan panjang badan ialah di antara 51-68 sm.

MAKANAN

Burung ini banyak menghabiskan masa bertenggek di ranting dan di antara pokok-pokok di tepi sungai untuk memerhatikan mangsa. Burung ini berlegar-legar di udara dengan sayap yang dibuka rata. Ia memakan pelbagai jenis ikan air tawar.

HABITAT

Ia mendiami kawasan-kawasan hutan yang mempunyai sungai atau tasik yang besar.

BUNYI

Ia mengeluarkan variasi bunyi seperti bunyi dalam dan merengek seperti bunyi burung camar *yow, yow-ow, ow-ow-ow-ow, yow-yow-yow-yow, yaa'aaah, eeyaaauah, yow-eee-aaa...yow-aaa.*

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah di antara bulan Januari hingga April dengan burung betina mampu menghasilkan 2 hingga 3 biji bagi setiap eraman di dalam sarang yang dibuat di atas pokok.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.
CITES, appendiks 2.